KENYATAAN TENDER

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan peneraju pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang berdaya saing dan mampan di Malaysia. Seiring perkembangan kami dalam perniagaan, kami berhasrat menjemput syarikat berdaftar yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber kewangan untuk menyertai tawaran tender.

Tender dipelawa kepada kontraktor yang berkelayakan serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal, kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja yang ditawarkan.

TAJUK PROJEK	SYARAT - SYARAT TENDER	BAYARAN DOKUMEN (1 SET)	WANG KESUNGGUHAN (EARNEST MONEY)
CADANGAN PEMBANGUNAN 296 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT YANG MENGANDUNGI: **PLOT 1** **1. 32 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 65') DI ATAS SUBLOT 1 - 32** **2. 45 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 70') DI ATAS SUBLOT 46 - 90** **3. 38 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 75') DI ATAS SUBLOT 91 - 105, SUBLOT 107 - 129** **4. 39 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 80') DI ATAS SUBLOT 33 - 45, SUBLOT 130 - 155** **5. 1 UNIT PENCAWANG ELETRIK (DOUBLE CHAMBER) 11 KV DI ATAS SUBLOT 106** **PLOT 2** **1. 34 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 70') DI ATAS SUBLOT 249 - 282** **2. 58 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 75') DI ATAS SUBLOT 190 - 232, SUBLOT 234 - 248** **3. 50 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 80') DI ATAS SUBLOT 156 - 189, SUBLOT 283 - 298** **4. 1 UNIT PENCAWANG ELETRIK (DOUBLE CHAMBER) 11 KV DI ATAS SUBLOT 233** **ZON B, BANDAR UDA UTAMA, MUKIM PULAI, DAERAH JOHOR BAHRU, JOHOR DARUL TA'ZIM UNTUK TETUAN UDA LAND (SOUTH) SDN. BHD.**	CIDB : **GRED G7** Kategori Pengkhususan: **B, B04**	**RM3,000.00** Dalam bentuk tunai, deraf bank / cek jurubank atas nama : **UDA LAND (SOUTH) SDN BHD** (Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan)	**RM10,000.00** Dalam bentuk deraf bank / cek jurubank atas nama : **UDA LAND (SOUTH) SDN BHD**
	TARIKH & TEMPAT JUALAN DOKUMEN TENDER	**SESI TAKLIMAT TENDER**	**TEMPAT PENGHANTARAN DAN TARIKH TUTUP TENDER**
	Tarikh: 28 Oktober 2026 - 18 November 2026 **Masa:** 9:00 pagi – 5:00 petang Isnin hingga Jumaat kecuali Cuti Umum **UDA LAND (SOUTH) SDN BHD** (No. Syarikat 23298-K) Wisma SBBU, No. 1, Jalan Padi Mahsuri 12, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru, Johor No. Tel. : 07-237 4944 No. Faks : 07-237 4943 Emel : tendersecretary@udanet.com	**Tarikh:** 04 November 2026 (Rabu) **Masa:** 11:00 pagi (Secara dalam talian)	**PETI TENDER** **UDA HOLDINGS BERHAD** Tingkat 9, Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur **TARIKH TUTUP:** **18 November 2026 (Rabu)** sebelum atau pada 12:00 tengah hari

MUSTAHAK

1. Petender digalakkan menghadiri Sesi Taklimat seperti yang dinyatakan di atas. Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, sekiranya petender ingin membuat lawatan tapak, perlu mendapat kebenaran UDA dan atas tanggungjawab, masa, dan kos pihak petender sendiri. Tender yang dikemukakan dianggap mengambil kira keadaan tapak. Sebarang pertanyaan mengenai tender ini boleh diemelkan kepada tendersecretary@udanet.com.
2. Petender dinasihatkan agar membaca arahan dengan teliti dan memahami Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderer) dalam Naskhah Meja Tawaran yang boleh didapati di pejabat UDA Land (South) Sdn Bhd sebelum membeli tawaran. Kegagalan mematuhi sebarang arahan dan/atau perkara yang dinyatakan akan menyebabkan tawaran petender ditolak.
3. Petender hendaklah mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja berkaitan dengan jumlah kontrak **RM80 juta** dalam satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terkini.
4. **Petender dikehendaki mengemukakan dokumen asal dan salinan pendaftaran dengan CIDB, pengalaman dan nilai kerja yang berkaitan (seperti di item No. 3), Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), dan surat wakil yang masih sah tempohnya sebelum dibenarkan membeli dokumen tender.**
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan dalam sampul yang disertakan. Sampul hendaklah dilakri atau diikat bersama sepertimana yang dinyatakan dalam Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderer) sebelum atau pada jam **12:00 tengah hari**, pada **18 November 2026.**
6. Petender yang ingin memasuki tender adalah **DIGALAKKAN** mendaftar sebagai vendor UDA di **http://udavendors.com**.
7. UDA Land (South) Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender dan keputusan adalah muktamad. Hanya petender yang berjaya akan dimaklumkan.

IKLAN TENDER INI BOLEH JUGA DILAYARI DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS BERHAD : https://www.uda.com.my/contact-us/request-for-tender